

**DAP salahkah SPR kerana pendaftaran pengundi luar negara rendah**  
**Malaysian Insider**  
**April 5, 2013**  
**Oleh Boo Su-Lyn**

KUALA LUMPUR, 5 April — DAP menyalahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini ekoran pendaftaran pengundi Malaysia di luar negara hanya seramai 6,298 orang, iaitu 0.006 peratus daripada satu juta rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara.

The Star melaporkan Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata semalam bahawa angka rendah tersebut "agak mengecewakan", walaupun pengendali pilihan raya tersebut telah "memudahkan proses pendaftaran".

"Pengumuman mengundi secara pos di luar negara hanya dilakukan pada 21 Jan 2013, selepas pewartaan Suku ke-4, Daftar pemilih 2012," kata pakar strategi pilihan raya DAP Dr Ong Kian Ming dalam satu kenyataan hari ini.

"Ini bermakna rakyat Malaysia di luar negara yang masih belum mendaftar sebagai pengundi, yang mungkin majoriti daripada mereka, tidak layak memohon untuk menjadi pengundi pos luar negara selepas pengumuman garis panduan SPR tentang pengundiaan diluar negara," katanya.

Ong juga menuduh SPR tidak "agresif" mendekati rakyat Malaysia di luar negara sebelum Januari untuk mendaftar mereka sebagai pengundi tetap terlebih dahulu, sebelum mendaftar mereka sebagai pengundi pos.

"Setakat yang saya tahu, SPR tidak memperuntukkan sebarang sumber belanjawan, dan tidak pula bekerjasama dengan Wisma Putra untuk menjalankan usaha pendaftaran pengundi untuk rakyat Malaysia di luar negara dengan lebih agresif," kata Ong.

Beliau juga menyatakan kumpulan pendesak MyOverseasVote mendapati pada Julai lalu terdapat beberapa kedutaan dan konsulat Malaysia mendapat maklumat yang tidak konsisten tentang siapa yang boleh mendaftar sebagai pemilih tetap melalui mereka.

"Ini menunjukkan kegagalan yang serius di pihak SPR untuk berkomunikasi dan melaksanakan prosedur pendaftaran yang ditetapkan antara kedutaan dan konsulat Malaysia," katanya.

Ong berkata beliau menerima banyak soalan daripada rakyat Malaysia di luar negara pada Rabu lepas - selepas Parlimen dibubarkan - tentang bagaimana untuk mendaftar sebagai pengundi pos.

"Ini jelas menunjukkan SPR gagal dalam mendekati pengundi Malaysia di luar negara yang menyebabkan bilangan pendaftaran yang rendah," katanya.

Ong juga mengkritik SPR kerana menyekat rakyat Malaysia yang tinggal di Singapura, selatan Thailand, Kalimantan Borneo Indonesia dan Brunei untuk mendaftar sebagai pengundi pos.

Beliau juga menyatakan bahawa laman web SPR yang tidak dapat dilawat pada Rabu lepas, pada masa sama juga merupakan tarikh akhir untuk pengundi pos di luar negara mendaftar.

"Sebaliknya menyatakan kekecewaan beliau, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya sepatutnya memohon maaf kepada rakyat Malaysia di luar negara kerana tidak menjalankan tugasnya sebagai pengerusi," kata Ong.

DAP menekankan kelemahan dalam proses pengundian luar negara sejak pada Januari lepas, termasuk kelewatan SPR membenarkan mereka yang tinggal di luar negara untuk mengundi.

SPR juga telah dikritik kerana memberikan masa sehari kepada pengundi luar negara untuk mengumpul undi mereka dan mengundi di kedutaan masing-masing, yang akan menjadikan ia sukar bagi mereka yang tinggal jauh dari kedutaan.

DAP, setiausaha organisasi Anthony Loke mendakwa percanggahan boleh timbul selepas SPR berkata ia akan menghalang ejen parti daripada menjadi pemerhati semasa proses pengundian di luar negara berlangsung.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-salahkah-spr-kerana-pendaftaran-pengundi-luar-negara-rendah/>